

Jalur Gemilang SMKSA mengatasi rekod dunia

BH 20 AUG 2001

IPOH: Bendera Jalur Gemilang yang dihasilkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA) dimasukkan ke dalam Malaysia Book of Record (MBR) sebagai bendera terbesar di negara ini, semalam.

Jalur Gemilang itu juga dijangka disenaraikan dalam Guinness Book of World Records kerana berjaya mengatasi rekod dunia bersaiz 154 meter panjang dan 77 meter lebar.

Turut disenaraikan dalam MBR ialah persembahan perdana Orkestra Simfoni Sekolah-sekolah Daerah Kinta yang disertai 312 pelajar yang dipersembahkan di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Indera Mulia, di sini.

Terdahulu, senyuman kepuasan jelas pada wajah lebih 2,000 pelajar SMKSA yang bertungkus-lumus 19 hari menyiapkan Jalur Gemilang terbesar itu, ketika majlis perisytiharan bendera itu dilakukan di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di sini.

Turut hadir pada majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ah; Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan isterinya, Datin Seri Kamariah Mokri.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menandatangani sijil pengiktirafan MBR dan menyerahkan sijil itu kepada pengetua SMKSA, Mohd Rauhi Mohd Isa.

Pengarah Urusan MBR, Danny Ooi turut menyaksikan majlis bersejarah itu.

MBR mengiktiraf Jalur Gemilang berukuran 159 meter panjang 108 meter lebar itu sebagai bendera terbesar pernah dihasilkan di Malaysia, menewaskan pemegang rekod sebelum ini iaitu bendera yang dihasilkan oleh mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berukuran 118 meter panjang dan 77 meter lebar.

Bendera itu dijait menggunakan 40 mesin jahit yang dipinjam dari beberapa sekolah sekitar bandar raya ini. Projek itu dimulakan pada 5 Ogos membabitkan tenaga 300 pelajar SMKSA, 120 guru dan 100 ibu bapa.

Selepas menyampaikan sijil pengiktirafan MBR, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah melihat dari pentas tetamu kehormat bendera itu yang dibentangkan di padang STAR.

Serentak itu, pelajar juga menyanyikan lagu 'Jalur Gemilang'.

Selain 2,000 pelajar SMKSA, lebih 1,000 pelajar lam termasuk dari STAR menjadi saksi majlis pengiktirafan bendera itu. Turut hadir, penyelaras projek menjahit bendera terbesar, Zulkefly Ahmad.

Bendera itu akan diyamerkan di Padang Ivoh di sini, sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-44.

Usaha SMKSA menghasilkan bendera terbesar itu turut mendapat pujian Perdana Menteri yang menyifatkannya sebagai bukti peningkatan semangat patriotik rakyat.

"Ia menunjukkan betapa rakyat Malaysia menerima Jalur Gemilang sebagai simbol negara dan masing-masing berlumba untuk menunjukkan betapa mereka menghargai simbol negara kita.

"Ini satu petanda baik kerana rakyat kita begitu patriotik sekali," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, di Stadium Indera Mulia, Dr Mahathir menyaksikan persembahan orkestra yang disertai 312 pelajar sekolah rendah dan menengah di daerah Kinta.

Orkestra itu yang divimvin oleh Penelia Pendidikan Menengah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kinta, Alfred Wong mempersembahkan enam lagu, termasuk 'Jalur Gemilang' dan lagu tema filem 'The Lion King'.

Terdahulu, sebaik ketibaannya di stadium itu, Dr Mahathir sempat meluangkan masa melihat kenderaan 'buggy' yang dihasilkan oleh pelajar Sekolah Menengah Teknik Lebu Cator, Ipoh.